

Affin Hwang **World Series - America Equity** Fund

DITERBITKAN: OGOS 2021

Out **think**. Out **perform**.



AFFIN HWANG
CAPITAL
Asset Management



Mengapa melabur di pasaran AS sekarang?



Ekonomi

Ekonomi sudah mula keluar daripada kemelesatan

- Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) AS dijangka pulih dalam tahun 2021 berasaskan rangsangan ekonomi yang dilaksanakan.



Pengguna

Pengguna AS diberi bantuan kukuh daripada kerajaan

- Akta CARES* berusaha memberikan bantuan kepada mereka yang paling memerlukannya, termasuk pemberian cek kepada kebanyakan rakyat AS dan penghuluran bantuan pengangguran.



Pendapatan

Jangkaan pendapatan AS pada tahun 2021 agak menggalakkan

- Penganalisis penyelidikan buat masa ini meramalkan bahawa pertumbuhan pendapatan bagi tahun 2021 adalah dalam lingkungan +26% dan +15% bagi tahun 2022, berasaskan indeks S&P 500.



Penilaian

Penilaian pasaran kelihatan menarik berbanding bon

- Memandangkan perubahan unjuran pendapatan negatif yang ketara, pasaran diperdagangkan pada nisbah pendapatan hadapan 22x bagi indeks S&P 500.
- Pada paras semasa, pasaran berada pada nisbah lebih tinggi daripada purata jangka panjang, tetapi masih lebih rendah berbanding Bon Perbendaharaan AS.


Sumber: J.P. Morgan Asset Management. *Coronavirus Aid, Relief, and Economic Security Act. Pandangan, ramalan, anggaran, unjuran dan kenyataan tentang trend pasaran kewangan adalah berasaskan keadaan pasaran pada tarikh penerbitan, merupakan pertimbangan kami dan tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Tiada jaminan bahawa semua akan menjadi kenyataan.

Mengapa pilih JPMorgan Funds – America Equity Fund (“Dana Sasaran“)?

Pendekatan fleksibel dengan penilaian dari bawah ke atas untuk mencari idea pertumbuhan dan nilai kualiti terbaik.

Falsafah Nilai: Tumpuan kepada perniagaan mampan dengan aliran tunai yang kukuh

- Perniagaan mampan
- Aliran tunai yang kukuh
- Syarikat terkurang nilai



Pertumbuhan: Tumpuan kepada perniagaan mampan dengan kedudukan sebagai pemimpin pasaran dari segi saiz bahagian

- Pasaran besar untuk diceburi
- Kelebihan daya saing boleh dikekalkan
- Pasukan pengurusan kukuh

STRATEGI PELABURAN KAMI

Affin Hwang World Series – America Equity Fund melaburkan

Minimum 80% daripada NAB Dana
dalam Dana Sasaran, JP Morgan America Equity Fund

Kepakaran

Pasukan pengurusan portfolio berpengalaman dalam kaedah nilai dan juga pertumbuhan

- Jonathan Simon (pengalaman 41 tahun) dari sudut nilai dan Timothy Arton (pengalaman 35 tahun) dari sudut pertumbuhan.
- Memanfaatkan kefahaman tentang kekuatan asas syarikat daripada pasukan yang merangkumi lebih daripada 30 penganalisis penyelidikan profesional.

Portfolio

Menumpukan perhatian kepada sebilangan syarikat yang sangat kukuh daripada sejumlah besar saham

- Pendekatan dari bawah ke atas terhadap pemilihan saham yang tidak berpandukan penanda aras.
- Portfolio yang tertumpu kepada 20 - 40 saham, dengan perniagaan mampan dan aliran tunai yang kukuh (nilai) atau kadar pertumbuhan pantas (pertumbuhan).

Penjanaan Idea



- Mendapatkan idea terbaik daripada pasukan penyelidikan Pertumbuhan dan Nilai
- Mengendalikan proses penapisan kuantitatif hak milik tersendiri ke atas syarikat dalam Russel 1000 Growth and Value
- Pertemuan dengan Syarikat
- Persidangan industri

Analisis Asas



- Pertumbuhan
 - Meninjau peluang pasaran
 - Menganalisis faktor pemacu syarikat
 - Mengesahkan tesis pelaburan
- Nilai
 - Perniagaan mampan berkualiti tinggi
 - Pasukan pengurusan dengan keupayaan pelaksanaan
 - Pada harga lebih rendah daripada nilai saksama

Pembinaan Portfolio



- Proses asas dari bawah ke atas
- Portfolio tertumpu 20-40% saham
- Saiz kedudukan ditentukan oleh tahap keyakinan
- Kualiti perniagaan
- Risiko/ganjaran
- Kesan mempelbagaikan portfolio
- Had sektor +/- 15%
- Had saham tunggal +/- 7,5%
- Julat peruntukan modal +/- 10%

Maksimum 20% NAB DANA
dalam instrumen pasaran wang, deposit dan/atau tunai

Fakta Dana

Kategori / Jenis Dana	Pembekal (Borong)/ Pertumbuhan	
Objektif Pelaburan	Dana berusaha untuk mencapai peningkatan modal dalam tempoh jangka panjang.	
Strategi Pelaburan	Dana akan melabur minimum 80% NAB Dana dalam Dana Sasaran dan maksimum 20% NAB Dana dalam instrumen pasaran wang, deposit dan/atau tunai. Dana juga mempunyai fleksibiliti untuk melabur dalam instrumen pasaran wang tidak berkaitan AS, deposit dan/atau tunai.	
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">Dana Sasaran: Minimum 80% NAB DanaInstrumen pasaran wang, deposit dan/ atau tunai: Maksimum 20% NAB Dana	
Dasar Pengagihan	Dana tidak dijangka membuat pengagihan. Bagaimanapun, pengagihan mungkin diisytiharkan mengikut keadaan, sekiranya wajar.	
Penanda Aras	Indeks S&P 500	
Pelaburan Minimum	<u>Kelas USD</u>	<u>Kelas Lindung Nilai MYR</u>
	Awal: USD 5,000	Awal: MYR 5,000
	Tambahan: USD 1,000	Tambahan: MYR 1,000
	<u>Kelas Lindung Nilai SGD</u>	<u>Kelas Lindung Nilai AUD</u>
	Awal: SGD 5,000	Awal: AUD 5,000
	Tambahan: SGD 1,000	Tambahan: AUD 1,000
Pemegang Amanah	TMF Trustees Malaysia Berhad	

PENYATA AMARAN

Salinan Memorandum Maklumat dan Halaman Serlahan Produk boleh diperolehi di pejabat jualan Affin Hwang Asset Management Berhad dan di laman web www.affinhwangam.com. Pelabur dinasihatkan untuk membaca dan memahami kandungan Memorandum Maklumat Affin Hwang World Series-America Equity Fund (atau "Dana") bertarikh 19 Mei 2021 serta Halaman Serlahan Produk yang berkaitan sebelum melabur. Pelaburan dalam Dana yang dinyatakan di sini melibatkan fi dan caj tertentu. Pelabur dinasihat untuk mempertimbangkan dan membandingkan fi dan caj serta risiko dengan teliti sebelum melabur. Pelabur perlu membuat penilaian sendiri mengenai risiko pelaburan dan mendapatkan nasihat profesional jika perlu. Harga unit dan agihan yang dibayar, jika ada, mungkin turun dan naik, dan prestasi masa lalu sesuatu Dana tidak seharusnya dijadikan panduan untuk prestasinya pada masa hadapan. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak memeriksa risalah ini dan tidak bertanggungjawab atas kandungannya serta dengan jelas menafikan kesemua liabiliti yang berbangkit daripada risalah ini. Sekiranya terdapat sebarang pertikaian atau keraguan berkenaan risalah versi Bahasa Malaysia ini, risalah dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai dan ianya muktamad.

#GrowWithUs

Ikuti kami:



AffinHwangAM



affinhwangam

Imbas untuk maklumat lanjut:



Affin Hwang Asset Management Bhd 199701014290 (429786-T)

Ground Floor, Menara Boustead, 69 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

Talian Bebas Tol: 1800 88 7080 T: +603 2116 6000 F: +603 2116 6100 W: www.affinhwangam.com